

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI
[KUALA LANGAT]**

SOALAN

**Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi [Kuala Langat] minta MENTERI
PENGANGKUTAN menyatakan :**

- a) apakah status pembangunan bercampur termasuk pelabuhan di Pulau Carey; dan
- b) sejauh mana impak projek pembangunan pelabuhan ini akan memberi kesan kepada nelayan khususnya Orang Asli Mah Meri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 3 November 2023 telah bersetuju supaya cadangan Pembangunan Terminal Ketiga Pelabuhan Klang di Pulau Carey, Selangor dilaksanakan. Mesyuarat tersebut juga telah bersetuju supaya satu Jawatankuasa Khas ditubuhkan untuk memperincikan peranan Kementerian atau agensi Kerajaan yang berkaitan serta pihak yang berkepentingan dalam perancangan pembangunan pelabuhan di Pulau Carey.
2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kerajaan Persekutuan bersama-sama Kerajaan Negeri Selangor akan membangunkan Pulau Carey sebagai Pelabuhan ke 3 dan Zon Ekonomi Khas baharu bagi meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara dan Negeri Selangor di samping mengutamakan pemeliharaan perkampungan dan warisan Orang Asli termasuk kegiatan aktiviti para nelayan setempat.
3. Kerajaan bersama-sama Kerajaan Negeri dan agensi yang terlibat termasuk pihak Jabatan Kemajuan Orang Asli akan memastikan pelaksanaan projek pelabuhan Pulau Carey ini tidak menjejaskan kehidupan masyarakat Orang Asli di kawasan tersebut.
4. Pembangunan Pelabuhan Pulau Carey ini juga dapat mempertingkatkan hasil pendapatan, meningkatkan kemudahan prasarana, mewujudkan interaksi sosial dan ekopelancongan serta akan dapat membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada penduduk setempat.
5. Dalam hubungan ini, pihak Kerajaan akan memastikan pelaksanaan projek pembangunan Pelabuhan di Pulau Carey ini tidak menjejaskan pendapatan para nelayan dan tetap mengutamakan kepentingan masyarakat Orang Asli khususnya Mah Meri.

Sekian, terima kasih.